

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN TANJAKAN (JEJAMBAT)
KELUAR MASUK KE BESTARI PERDANA,
LEBUHRAYA SENAI-DESARU (SDE)**

22 JANUARI 2026

SALUTASI AKAN DIKEMASKINI PADA HARI MAJLIS

Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi
Menteri Besar Johor

Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan
Komunikasi Negeri Johor

Yang Berhormat Datuk Asman Shah Bin Abd. Rahman
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

Yang Berbahagia Dato' Seri Azman Bin Ibrahim
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad

Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Sazali Bin Harun
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berusaha Encik Abu Talib bin Abdul Rahman
Pengarah Lebuhraya Senai – Desaru

Yang Berbahagia Tan Sri Leong Hoy Kum
Pengarah Pengurusan Kumpulan Mah Sing Group

Wakil-wakil Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia,
agensi-agensi Kerajaan Negeri, tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin
yang dihormati sekalian.

Salam sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Segulai Sejalai,

1. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana sudi hadir bersama-sama bagi merasmikan pembukaan Struktur Tanjakan (Jejambat) di Lebuhraya Senai–Desaru atau lebih dikenali sebagai Lebuhraya SDE.
2. Hari ini, kita menyaksikan satu detik penting dalam usaha memperkukuh jaringan infrastruktur negara menerusi pembukaan struktur tanjakan yang menghubungkan Lebuhraya SDE dengan pembangunan bercampur oleh Pemaju Meridin East Sdn. Bhd. (Mah Sing Holdings), serta kawasan pembangunan sekitarnya. Kemudahan ini sememangnya dinantikan oleh pengguna lebuhraya, khususnya penduduk di sekitar Masai, Kong Kong, Tanjung Langsat dan Pasir Gudang.
3. Lebuhraya Senai–Desaru (SDE) yang menghubungkan Senai ke Penawar menyediakan laluan alternatif kepada Lebuhraya Utara–Selatan serta Jalan Persekutuan Johor Bahru–Pasir Gudang, sekali gus menghubungkan bandar-bandar utama seperti Senai, Ulu Tiram, Pasir Gudang, Penawar dan Pengerang.
4. Struktur tanjakan (jejambat) Bestari Perdana ini terletak di KM5.1 *Pasir Gudang Connector* (PGC), Lebuhraya Senai–Desaru. Projek ini dilaksanakan oleh Tetuan Meridin East Sdn. Bhd. bagi mewujudkan akses baharu ke koridor pembangunan Masai–Kong Kong–Tanjung Langsat–Pasir Gudang, seterusnya memperkukuh kesalinghubungan antara lebuhraya dan kawasan sekitarnya.
5. Cadangan sambungan akses ini telah dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) melalui Pembangunan Tepi Lebuhraya (PTL) dan telah diluluskan pada 21 April 2015. Pembinaan ini melibatkan dua struktur tanjakan baharu bagi melengkapkan sistem keluar masuk Lebuhraya SDE melalui jajaran *Pasir Gudang Connector* (PGC) .
6. Hasil kerjasama erat semua pihak termasuk Kementerian Kerja

Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia serta sokongan Kerajaan Negeri Johor, khususnya kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Exco Infrastruktur Negeri, dan Syarikat Kongsesi Lebuhraya Senai-Desaru akhirnya kesepakatan telah diperolehi oleh semua pihak dan kemudahan ini dapat dibuka secara rasmi kepada orang ramai hari ini. Pembukaan struktur tanjakan ini dijangka akan memberikan impak yang besar terhadap pembangunan sosioekonomi kawasan ini.

7. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pemaju Meridin East Sdn. Bhd. (Mah Sing Holdings) dan Lebuhraya Senai-Desaru atas komitmen dan kerjasama berterusan dalam menjayakan projek ini. Pembukaan Struktur Tanjakan (Jejambat) Bestari Perdana ini adalah satu pernyataan jelas bahawa Johor terus melangkah ke hadapan dengan agenda pembangunan yang tersusun, progresif dan berimpak tinggi.
8. Projek ini melambangkan kesungguhan Kerajaan dalam menangani isu kesesakan trafik secara tuntas, berwawasan dan berorientasikan penyelesaian jangka panjang.

Hadirin yang dihormati,

9. Struktur Tanjakan (jejambat) ini menyediakan laluan akses baharu yang menghubungkan Bandar Bestari Perdana dan Bandar Layangkasa dengan kawasan perindustrian Tanjung Langsat dan Pasir Gudang. Kemudahan ini juga membantu menyuraikan kesesakan trafik yang telah lama berlaku di sepanjang Jalan Negeri J10 yang menghubungkan Kong Kong ke Masai dan Pasir Gudang.
10. Struktur Tanjakan (jejambat) dan Plaza Tol Bestari Perdana menyediakan empat lorong trafik, iaitu dua lorong bagi setiap arah, setelah mengambil kira kapasiti dan keperluan aliran kenderaan sebagai laluan alternatif utama ke Pasir Gudang dan Tanjung Langsat.
11. Struktur tanjakan serta fasiliti lebuhraya ini telah dipersetujui untuk diambil alih oleh Lebuhraya SDE untuk diurus, dikendalikan dan disenggara sebagaimana yang telah dipersetujui oleh semua pihak.

Tuan- tuan dan puan- puan yang dihormati,

12. Projek jalan susur keluar / masuk ini bukan sekadar penambahan kepada infrastruktur sedia ada, malah merupakan pelaburan jangka panjang demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat khususnya di negeri Johor.
13. Pembukaan laluan ini turut menawarkan akses yang lebih menyeluruh kepada jaringan lebuhraya utama lain seperti Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA).

Hadirin yang dikasihi sekalian,

14. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri Johor atas kepimpinan dan kebijaksanaan dalam menyatukan semua pihak demi kepentingan bersama. Susulan mesyuarat yang turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Johor dan EXCO Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor pada 3 Mac 2025, jalan susur keluar / masuk ini akhirnya dapat dibuka pada hari ini untuk manfaat rakyat.
15. Kejayaan pembukaan struktur tanjakan (jejambat) ini adalah hasil sinergi mantap antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Syarikat Konsesi Lebuhraya Senai – Desaru serta agensi-agensi kerajaan negeri yang mencerminkan kekuatan tadbir urus berasaskan muafakat dan kepercayaan demi kesejahteraan rakyat.
16. Ucapan terima kasih juga dizahirkan kepada Kerajaan Negeri Johor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi atas kerjasama erat bagi memastikan pembukaan kemudahan ini dapat direalisasikan.

Hadirin yang dihormati,

17. Pembukaan struktur tanjakan (jejambat) ini adalah lambang kemajuan yang berakar pada keperluan rakyat dan berpaksikan masa hadapan. Semoga kemudahan ini dimanfaatkan sepenuhnya sebagai pemudah cara kehidupan, pemangkin ekonomi dan simbol keutuhan pembangunan Negeri Johor Darul Ta'zim.
18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengingatkan para pengguna agar sentiasa mematuhi peraturan jalan raya dan mengutamakan keselamatan diri, keluarga serta pengguna lain ketika menggunakan lebuhraya ini.
19. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Struktur Tanjakan (Jejambat) Bestari Perdana.

Sekian, terima kasih.